

PASANG KERUSI KESELAMATAN DEMI NYAWA SI KECIL

Oleh: Muhammad Hafizuddin bin Mohamad, 1172565,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 14 Ogos 2020

Banyak kes kemalangan berlaku setiap tahun membabitkan bayi dan kanak-kanak yang meninggal dunia akibat tercampak keluar dari kenderaan.

Menurut pemerhatian yang dijalankan pihak berkuasa keselamatan lalu lintas Malaysia, kanak-kanak yang tidak dilindungi kerusi keselamatan adalah tiga kali lebih cenderung mendapat kecederaan dalam kemalangan berbanding mereka yang menggunakannya.

Statistik kemalangan sepanjang 2016 hingga 2018 menunjukkan sebanyak 1,707 kemalangan yang berlaku melibatkan kanak-kanak.

Rentetan isu ini, kerajaan mula menguatkuasakan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak bermula 1 Januari 2020.

Perkara ini telah lama dipraktikkan di negara Barat seperti United Kingdom di mana kanak-kanak diwajibkan menggunakan kerusi keselamatan sehingga mereka berumur 12 tahun atau apabila mencapai ketinggian 4 kaki 5 inci.

Di Australia, denda sebanyak 500 dolar Australia (RM1,500) dikenakan terhadap mereka yang ditangkap tidak menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak.

Pemasangan kerusi keselamatan kanak-kanak dalam kereta seolah-olah tidak diambil serius dan dipraktikkan oleh ramai penjaga dan ibu bapa di negara ini.

Walau bagaimanapun, sejak diumumkan oleh Menteri Pengangkutan tahun lalu, Kementerian Pengangkutan telah menjalankan pelbagai program kesedaran sepanjang tahun 2019 untuk pendidikan awam sebelum pemasangan kerusi keselamatan kanak-kanak diwajibkan.

Sebelum ini, pernah dinyatakan bahawa penguatkuasaan pemasangan kerusi keselamatan kanak-kanak dilaksanakan pada tahun 2019, namun atas beberapa faktor ia terpaksa dilanjutkan pada awal Januari 2020.

Antara masalah yang dikenal pasti adalah bekalan kerusi keselamatan kanak-kanak tidak mencukupi dan harganya agak tinggi sehingga menyebabkan ramai ibu bapa tidak mampu membelinya.

Cara pemilihan kerusi keselamatan kanak-kanak mesti selaras dengan beberapa panduan dari aspek keselamatan, pelarasan tali pinggang dan ketahanan.

Kerusi keselamatan kanak-kanak yang digunakan di Malaysia perlu mengikut standard yang ditetapkan oleh Peraturan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNR), iaitu R44 dan R129.

Setiap produk kerusi keselamatan bayi yang mempunyai pensijilan peraturan UNR memaparkan pelekat *E-mark*.



Gambar 1: Pelekat pematuan peraturan UN R44 (kiri) R129 (kanan).

Ciri keselamatan adalah faktor penting dalam memilih kerusi keselamatan kanak-kanak. Kerusi keselamatan yang menghadap ke arah belakang kenderaan adalah yang terbaik.

Sebaik-baiknya posisi ini dikekalkan selama yang boleh kecuali apabila anak semakin membesar.

Pastikan tempat duduk itu mempunyai berat yang lebih dan ketinggian yang sesuai dengan anak yang membesar.



Gambar 2: Contoh pemilihan kerusi keselamatan kanak-kanak.

Ibu bapa juga seharusnya mendapatkan kerusi keselamatan kanak-kanak dengan tali pinggang yang boleh dilaraskan agar mudah disesuaikan dengan berat pemakainya.

Kerusi keselamatan bayi atau kanak-kanak biasanya direka agar boleh dipadankan dengan kemas di dalam kereta.

Pastikan kerusi keselamatan kanak-kanak yang dipasang memenuhi piawaian telah ditetapkan bagi menjamin keselamatan si kecil.